

# Konvoi VBCC edar risalah manfaat derma organ

MOHD AMIN JALIL | BERITA HARIAN

**S**EREMBAN: Sebanyak 16 kereta Volkswagen antik dari Kelab Kereta Volkswagen Beetle (VBCC) menjayakan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat negeri dengan berkonvoi dari Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) ke pusat beli-belah Seremban Parade di sini.

Sepanjang perjalanan itu, seramai 30 peserta, termasuk kakitangan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) mengedarkan risalah kepada orang ramai mengenai pendermaan organ.

Eksekutif Komunikasi NKF, Yew Ve Vian, berkata ada kelainan ditampilkan pada program tahun ini untuk menarik perhatian orang ramai menyertai pelbagai aktiviti sempena Hari Buah Pinggang Sedunia.

Katanya, NKF mengadakan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia setiap Mac dengan matlamat melahirkan kesedaran di kalangan orang ramai untuk menderma organ, sekali gus membantu pesakit dan menjaga kesihatan diri.

"Sambutan ini diadakan sejak tujuh tahun lalu dan kali ini kita memberikan sedikit kelainan dengan program konvoi kereta antik Volkswagen bagi menarik perhatian orang ramai.

"Melalui cara ini dapat menarik orang ramai bukan saja untuk menyaksikan aktiviti yang dijalankan, tetapi mengambil bahagian untuk sekurang-kurangnya membuat pemeriksaan kesihatan percuma," katanya.



SEBAHAGIAN kereta Volkswagen antik yang mengambil bahagian aktiviti konvoi pada program sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat Negeri Sembilan



*NKF mengadakan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia dengan matlamat melahirkan kesedaran di kalangan orang ramai untuk menderma organ, sekali gus membantu pesakit*

**Yew Ve Vian**  
Eksekutif Komunikasi NKF

Beliau ditemui selepas majlis perasmian sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat negeri dan pelepasan peserta konvoi oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Ismail Taib.

Turut hadir Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr Zailan Adnan; Pengarah HTJS, Dr Jaafar Che Mat.

Sementara itu, Ismail berkata,

program ini penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap usaha mencegah serta mengawal penyakit buah pinggang yang kebiasaannya berpunca akibat diabetes dan tekanan darah tinggi.

Katanya, orang ramai perlu mengamalkan cara hidup sihat dengan menjaga pemakanan dan melakukan senaman untuk mencegah serta mengawal penyakit itu.